



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PENGUKUHAN STRATEGI PERLINDUNGAN HAK CIPTA

Majlis Advokasi Royalti Muzik yang dianjurkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) hari ini merupakan sebahagian daripada strategi yang dilaksanakan untuk memperkukuh perlindungan hak cipta para penggiat seni. Pencapaian objektif pengukuhan perlindungan hak cipta ini memerlukan kepada kesedaran, pemahaman dan partisipasi golongan sasaran dalam kalangan penggiat seni itu sendiri khususnya para komposer, penulis lirik, artis, penerbit dan syarikat rakaman.

Sebagai salah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), antara teras kefungsiannya MyIPO adalah untuk mendaftarkan harta intelek termasuklah hak cipta dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan serta menggerakkan advokasi kesedaran dan pendidikan berhubung harta intelek.

Statistik Pendaftaran Hak Cipta

Dari aspek pendaftaran hak cipta, dalam tempoh bermula bulan Januari 2023 sehingga Februari 2025, sebanyak 17,402 permohonan pendaftaran hak cipta telah diterima. Melihat kepada perbandingan kesemua tujuh jenis karya, pendaftaran hak cipta melibatkan karya muzik dan rakaman bunyi mencatatkan angka yang agak rendah iaitu masing-masing sejumlah 170 dan 146 pendaftaran sahaja. Ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan program advokasi kesedaran dan pendidikan dalam kalangan golongan sasaran penggiat seni yang terlibat termasuk para artis baharu.

Penambahbaikan Proses Pendaftaran Hak Cipta

Selain daripada memperluas program advokasi dan pendidikan, MyIPO juga melaksanakan penambahbaikan dalam proses pendaftaran hak cipta. Antaranya, mempermudah pendaftaran hak cipta melalui mekanisme pendaftaran dalam talian *Copyright to You* (CR2U). Melalui kaedah ini, proses pendaftaran dan notifikasi hak cipta disegerakan daripada tempoh tiga hingga enam bulan kepada hanya 30 minit sebaik butiran permohonan lengkap dibuat. Sejak diperkenalkan bermula penghujung 2023, pendaftaran hak cipta telah menunjukkan peningkatan kepada 9,363 pada tahun 2024 berbanding hanya 6,807 pada tahun 2023.

Pengukuhan Pengurusan Royalti Muzik

Dalam masa yang sama, MyIPO juga sedang dalam proses untuk memperkukuh pengurusan royalti muzik. Inisiatif ini dilaksanakan susulan daripada pelbagai aduan dan isu yang berbangkit sejak sekian lama termasuk daripada para artis. Antara pendekatan yang diputuskan adalah pengenalan Garis Panduan (GP) Pengoperasian Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO).

Penyediaan GP CMO ini adalah bersandarkan kepada punca kuasa di bawah peruntukan baharu di bawah Akta Hak Cipta 1987 melalui pindaan yang diluluskan pada tahun 2022 yang memasukkan seksyen 27M. Peruntukan baharu ini memberikan kuasa kepada pengawal iaitu MyIPO untuk mengeluarkan garis panduan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan perisytiharan dan pengendalian CMO. Sebelum ini MyIPO hanya diberikan kuasa untuk melesenkan CMO dan tidak ada sebarang garis panduan pengoperasian.

Melalui peruntukan undang-undang baharu yang telah diluluskan dan mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2022, MyIPO diberikan punca kuasa untuk mewujudkan garis panduan untuk memastikan pengoperasian CMO diperkukuhkan dengan menepati kepentingan semua pihak termasuk para artis, komposer dan penulis lirik.

Objektif GP CMO ini adalah untuk memastikan pengukuhan menyeluruh tatakelola CMO termasuk aspek penentuan kadar dan proses agihan royalti. Garis panduan ini hanya akan dimuktamadkan setelah proses libat urus menyeluruh dibuat yang melibatkan para pemegang taruh.

KPDN menerusi MyIPO dan Bahagian Penguat Kuasa KPDN komited untuk melaksanakan pertanggungjawaban melindungi hak cipta di bawah kerangka perundangan sedia ada. Komitmen ini bersandarkan kepada kesedaran bahawa karya dan bakat adalah harta, karya dan bakat adalah sumber rezeki. Tanggungjawab kita adalah untuk memastikan harta dan rezeki itu terus dinikmati oleh para karyawan bukan sahaja sepanjang karier aktif mereka, tetapi selama mana karya tersebut dimanfaatkan oleh para pengguna.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Kuala Lumpur
17 Mac 2025

###